

18/11/1998

Satria GTi daya penarik saingan

PROTON model terbaru, Satria GTi bakal menjadi milik juara keseluruhan dalam perlumbaan Proton Antarabangsa 300 Kilometer Merdeka, di litar Sepang, pada 11-13 Disember ini.

Hadiah istimewa tajaan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) itu akan menjadikan perlumbaan rasmi sulung di litar termoden itu lebih menarik, selain membolehkan peserta menguji kemahiran dan strategi perancangan, ketenangan dan kekuatan fizikal untuk mengharungi jarak sejauh itu.

Selain Satria GTi itu dan hadiah wang tunai, pemilik Proton tidak harus melepaskan peluang berlumba di litar baru berkenaan.

Bagi mereka yang tidak mempunyai kereta Proton, impian untuk memiliki Satria GTi baru itu masih terbuka kerana promoter akan menjual atau menyewakan kereta Proton Putra dan Satria berdasarkan siapa cepat dia dapat, sebagai memenuhi permintaan peserta tempatan dan luar negara.

Sebagai menyerikan lagi acara, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menghadiahkan Trofi Cabaran Perdana Menteri kepada juara.

Bagaimanapun, hanya replika trofi itu diberikan kepada pemenang kerana Trofi Cabaran Perdana Menteri akan disimpan terus oleh pemandu yang memenangi gelaran keseluruhan tiga kali berturut-turut.

Bagi mengelak pemandu berpengalaman meraih hadiah itu, Proton mewajibkan setiap penyertaan diwakili dua peserta, seorang daripadanya mesti memegang lesen perlumbaan novis, yang tidak pernah memenangi sebarang perlumbaan, sama ada peringkat kelas atau kategori keseluruhan sejak 1 Januari tahun lalu.

Malah, jika satu pasukan menyenaraikan pemandu rali negara, Karamjit Singh, persaingan masih terbuka kerana peraturan mewajibkan setiap pelumba tidak boleh memandu lebih daripada 50 minit pada satu-satu masa.

Perlumbaan itu dibahagikan kepada tiga kelas iaitu Kumpulan A 1.8 liter (tidak melebihi 1,040 kilogram), Kumpulan B 1.5 hingga 1.6 liter (950 kilogram bagi Wira dan 1,000 kilogram bagi Satria) dan Kumpulan C 1.1 hingga 1.3 liter (850 kilogram bagi Wira, Satria dan Iswara).

Penyertaan dibuka hingga 30 November ini, dengan yuran RM2,500 bagi pasukan yang mendapat tajaan, manakala RM1,500 untuk persendirian.

Bagi membantu pemandu novis memahami acara itu, Proton akan menganjurkan seminar persediaan asas secara percuma kepada peserta di Auditorium Proton, Shah Alam pada jam 3 petang, Sabtu ini.

(END)